

LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN

Seorang pemilik tunggal premis dobi layan diri Rainbow Laundry, Emmalia binti Basri (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Jenayah (4) Johor Bahru, Johor bagi satu pertuduhan di bawah perenggan 11(g) Akta Bekalan Gas 1993 atas kesalahan menjalankan operasi dobi layan diri tanpa lesen gas persendirian daripada Suruhanjaya Tenaga sehingga menyebabkan kecederaan kepada dua (2) orang mangsa akibat berlaku letupan di premis dobi tersebut. Pada 8 Disember 2025, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM40,000.00 gagal bayar lima (5) bulan penjara kepada OKS. OKS telah membayar denda tersebut.